

Soalan Lazim: Promosi Perantauan Baucar Grab Cuti Sekolah

1. Apakah itu Promosi Perantauan Baucar Grab Cuti Sekolah?

Promosi ini ialah kempen ganjaran untuk tempoh terhad bagi pelanggan CelcomDigi Postpaid yang layak. Pelanggan yang layak akan menerima Baucar Grab bernilai RM30.

2. Siapakah yang layak untuk promosi ini?

Promosi ini terbuka kepada pelanggan CelcomDigi Postpaid yang layak dan membeli pelan perantauan yang layak untuk talian utama serta sekurang-kurangnya satu talian tambahan dalam tempoh kempen.

3. Bilakah tempoh kempen ini?

Kempen ini berlangsung dari **22 Mei 2026 hingga 7 Jun 2026**.

4. Apakah pelan perantauan yang layak untuk promosi ini?

Pelan yang layak adalah Pas Perantauan Multi-Hari CelcomDigi yang terpilih, termasuk:

- 3-Day Pass
- 3-Day Unlimited Pass
- 7-Day Unlimited Pass
- 10-Days Pass
- 14-Day Unlimited Pass
- 30-Day Unlimited Pass

Untuk maklumat lanjut mengenai pas perantauan multi-hari, sila rujuk [di sini](#).

5. Adakah saya perlu menggunakan pas perantauan dalam tempoh kempen?

Anda hanya perlu membuat pembelian pas perantauan yang layak dalam tempoh kempen iaitu dari **22 Mei 2026 hingga 7 Jun 2026**.

6. Bolehkah saya membeli pelan berbeza untuk setiap talian?

Ya. Talian utama dan sekurang-kurangnya satu talian tambahan perlu membeli pas perantauan yang layak dalam tempoh kempen.

7. Bagaimana jika tarikh perjalanan dan pengaktifan pas perantauan saya berbeza dengan talian tambahan saya, tetapi masih dalam tempoh kempen?

Anda masih layak! Asalkan talian utama dan sekurang-kurangnya satu talian tambahan di bawah akaun yang sama, masing-masing membeli dan mengaktifkan mana-mana pas perantauan yang layak dalam tempoh kempen.

8. Berapakah bilangan baucar yang boleh saya terima dan siapakah penerimanya?

Setiap akaun talian utama yang layak berhak menerima satu (1) Baucar Grab bernilai RM30 sahaja. Baucar akan diberikan kepada pemegang akaun talian utama.

9. Bolehkah pengguna talian tambahan menebus baucar tersebut?

Tidak. Baucar hanya diberikan kepada pemegang talian utama melalui Aplikasi CelcomDigi.

10. Bilakah baucar akan diberikan?

Baucar akan diberikan antara 8 Jun 2026 hingga 15 Jun 2026.

11. Bagaimanakah saya mengetahui jika saya menerima baucar?

Pelanggan yang layak akan menerima pemberitahuan (push notification) dan mesej peti masuk melalui Aplikasi CelcomDigi apabila baucar sedia untuk ditebus.

12. Bagaimanakah cara menebus baucar?

Sila ikuti langkah berikut:

- **Langkah 1:** Muat turun Aplikasi CelcomDigi dan log masuk menggunakan nombor mudah alih talian utama anda yang berdaftar.
- **Langkah 2:** Tekan ikon loceng pemberitahuan di bahagian atas halaman utama dan buka mesej dalam peti masuk.
- **Langkah 3:** Ikuti arahan penebusan yang diberikan untuk menebus baucar anda.
- **Langkah 4:** Selepas berjaya ditebus, baucar akan dipaparkan dalam aplikasi Grab anda dan sedia digunakan.

Sila pastikan aplikasi Grab telah dimuat turun dan anda mempunyai akaun Grab yang aktif.

13. Di manakah saya boleh menggunakan Baucar Grab?

Baucar ini boleh digunakan untuk perkhidmatan GrabFood, GrabMart, GrabTransport dan GrabExpress.

14. Bilakah tempoh sah baucar ini?

Baucar sah digunakan sehingga **31 Julai 2026**.

15. Apakah yang berlaku jika saya tidak menebus baucar sebelum tamat tempoh?

Sebarang baucar yang tidak ditebus atau tidak digunakan selepas **31 Julai 2026** akan luput secara automatik dan tidak boleh dipulihkan..

16. Bolehkah baucar ini ditukar kepada wang tunai?

Tidak boleh. Baucar Grab ini tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan, dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

17. Saya telah membeli pas yang layak tetapi tidak menerima baucar. Apakah yang perlu saya lakukan?

Baucar diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat dengan kuantiti terhad. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila tunggu sehingga **15 Jun 2026**; anda boleh hubungi sokongan pelanggan 24 jam kami melalui [WhatsApp](#) untuk bantuan segera.